

**Pecah Tembok Kemustahilan Untuk Capai Kejayaan – Najib  
Bernama  
28 Ogos, 2012**

KUALA LUMPUR, 28 Ogos (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak mahu setiap rakyat khususnya penjawat awam agar berani meneroka idea baru yang bersifat kreatif dan inovatif bagi mencapai kejayaan yang diidamkan.

"Sebab itulah saya tekankan supaya kita mesti berani memisahkan diri kita daripada pemikiran tradisional dan memecahkan tembok kemustahilan untuk mencapai kejayaan yang berlandaskan kepada nilai kreativiti dan inovasi," katanya pada majlis Anugerah Inovasi Perdana Menteri 2011 (AIPM) di Institut Jantung Negara (IJN) di sini.

Anugerah yang dianjurkan kali ketiga oleh Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (Mampu) itu dinobatkan kepada IJN yang disampaikan oleh Najib.

Najib berkata dalam persaingan sengit ekonomi dunia hari ini, perkhidmatan awam memerlukan budaya kecemerlangan tadbir urus yang baik dan bersifat kreatif dan inovatif.

"Kita perlu berinovasi, kita perlu kreatif, saya juga tekankan bahawa budaya seperti integriti dan kepantasan membuat keputusan merupakan nilai-nilai teras yang mesti dihadam dengan penuh kesungguhan oleh setiap penjawat awam," katanya.

Beliau berkata antara kejayaan yang mencerminkan pemikiran inovatif ialah kewujudan Pusat Transformasi Bandar (UTC) yang dibina dalam tempoh yang pantas untuk melihat rakyat menikmati kehidupan yang lebih makmur.

"Kita juga berharap agar lebih banyak lagi kejayaan sebegini yang mencapai penanda aras yang berprestij ini boleh kita jelmakan," katanya.

Najib berkata dalam usaha untuk mencapai kejayaan tersebut, terdapat dua cabaran iaitu bagaimana rakyat negara ini boleh mencipta kekayaan baru dan menentukan keupayaan untuk bersaing.

"Jika kita berkeinginan untuk mendahului dalam persaingan yang semakin sengit ini maka kedua-dua aspek ini amat penting diberi perhatian yang bersungguh-sungguh," katanya.

Beliau berkata justeru, kerajaan memperkenalkan AIPM yang menggantikan Anugerah Kualiti Perdana Menteri bagi mengiktiraf sesebuah entiti atau satu inisiatif inovasi yang berjaya mengeluarkan hasil yang berimpak tinggi serta menyumbang kepada kesejahteraan rakyat dan negara.

"Pada tahun 2009, Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) menjadi pemenang pertama, kerajaan dapat menyediakan perkhidmatan yang baik untuk rakyat, malah pada tahun 2010 LHDN telah berjaya mencapai kutipan cukai penambahan sebanyak RM 23 bilion dalam setahun.

"Pemenang kedua pada tahun 2010 adalah kerjasama strategik Polis Diraja Malaysia (PDRM)-Angkatan Tentera Malaysia (ATM). Kerjasama yang unik ini menghasilkan kejayaan yang amat besar dalam memerangi jenayah dan juga dapat menyediakan kemudahan-kemudahan untuk rakyat," katanya.

Turut hadir isteri Perdana Menteri Datin Seri Rosmah Mansor yang juga Penaung Yayasan IJN, bekas perdana menteri Tun Dr Mahathir Mohamad dan isteri Tun Dr Siti Hasmah Mohd Ali, Menteri Kesihatan Datuk Seri Liow Tiong Lai dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk G. Palanivel.

-- BERNAMA

Copyright © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=690302>